

BAB 2

AGAMA DAN PEMBENTUKAN PERADABAN ISLAM DI INDIA

Secara umum, Peradaban India sebelum 500 S.M masih sangat kabur dan sukar ditentukan. Tinggalan-tinggalan arkeologi yang ditemui masih belum mampu memberi maklumat yang lengkap sementara bahan-bahan kesusasteraan pula sempit dari segi filologi²¹ hingga membataskan pemahaman mengenai zaman itu. Sesungguhnya kekaburan kronologi zaman awal India yang hampir tidak dapat diatasi merupakan rintangan utama kepada penyelidikan peradaban ini. Kitab suci Veda mungkin mencapai bentuk masa kininya selepas 600 SM tetapi tidak dapat diketahui dengan tepat bila ia wujud secara jelasnya. Ini kerana pada peringkat awal, penyampaiannya adalah dalam bentuk lisan iaitu melalui guru kepada murid, dari generasi ke generasi yang seterusnya.²²

Perkataan India berasal dari perkataan “*Indoi*”, iaitu penduduk yang tinggal berhampiran dengan Indus (di dalam bahasa latin Indus).²³ Nama India diambil dari sungai Indus (Sind). Perkataan *Ind* dan *Hind*, kedua-duanya bererti bumi yang terletak di belakang sungai Indus dan penduduknya di namakan orang India atau orang Hindu.²⁴

²¹ William H. McNeil, **Kebangkitan Barat Sejarah Masyarakat Manusia**, (terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm 156.


²² Ibid.

²³ R.L Singh, **India A Regional Geology**, Silver Jubilee Publication, India, 1971, hlm 1.

²⁴ Prof. Dr. Ahmad Shalaby, **Agama yang Terbesar di India**, Penerbitan Pustaka Nasional, Singapore, 1970, hlm 7.

Sehingga kini kajian berkaitan Peradaban India dimulakan dengan Lembah Sungai Indus yang merangkumi kawasan di Mohenjo-daro di daerah Larkana, Sind dan Harappa di daerah Montgomery, Punjab. Ia menunjukkan pencapaian matang suatu kehidupan yang menyamai taraf kehidupan purba seperti Mesir, Mesopotamia, China dan sebagainya.

Selanjutnya, kajian peradaban India akan melalui fasa-fasa yang tertentu. secara mudah fasa-fasa yang biasa digunakan untuk merujuk perkembangan peradaban ini ialah fasa awal, fasa pertengahan dan fasa moden.



Rajah 2.1: Peta India


Peradaban Awal (1500 S.M. - 1200 S.M.)

Walaupun Tamadun Indus telah lenyap lebih kurang pada tahun 1500 S.M. tetapi unsur-unsur budaya tetap diteruskan di kawasan-kawasan lain terutamanya Gujerat. Ini kerana terdapat beberapa bahan artifak seperti bentuk periuk dan benda-benda logam telah ditemui dari galian di *Arikamedar* dan *Adichanallur* di India Selatan yang merupakan unsur-unsur yang sama dengan tamadun Indus. Budaya ini mula mengalami kemerosotan dan pada tahun 1500 S.M. setelah munculnya peradaban baru yang dibawa oleh orang-orang Arya.²⁵

Fasa awal yang dikenali sebagai Zaman Vedik bermula sekitar 1500-500SM. Ia telah dibawa masuk oleh orang-orang Arya di kawasan antara Poland dan Asia Tengah. Mereka bermigrasi ke kawasan utara, barat dan selatan kerana kekurangan rumput-rampai bagi ternakan mereka.²⁶ Pengawasan mereka ke wilayah Lembah Indus serta menguasai masyarakat tempatan menyebabkan populasi mereka bertambah dan mendorong mereka berkembang ke bahagian timur.

²⁵ G. Sivapalan, , M. Rajenthaler & R. Rajakrishnan, “Tamadun India” dlm **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 237.

²⁶ Ibid., hlm 237.



Rajah 2.2: Carta kronologi perkembangan Agama di India.
Miercea Eliade, **The Encyclopedia of Religion**, Macmillan Publishing Company, New York, 1987, Vol. 7, hlm 99.

Mereka juga mengumpul kitab-kitab *Veda* di mana kitab awal dikenali sebagai *Rig Veda*²⁷. Interaksi antara orang Aryan dengan penduduk tempatan melahirkan satu bentuk masyarakat baru yang dikenali sebagai *Indo-Aryan*. Peradaban Indo-Aryan ini telah menyumbang kepada elemen-elemen spiritual terutamanya dalam konteks kepercayaan dan amalan keagamaan.²⁸

Sejarah awal peradaban India memperlihatkan pengaruh agama Hindu sama ada Hindu atau Buddha. Sejarah awal agama Hindu sukar ditentukan kerana tidak ada rukun yang berasas, tidak ada institusi agama dan sukar menentukan kriteria asas bagi penganut ortodok. Istilah ‘Hinduism’ dapat dilihat dalam buku *Religious and Society Asia and The Middle East* seperti berikut:

“The term ‘Hinduism’ defies any simple definition. Through thousands of years of gradual evolution, Hinduism has come to include a wide spectrum of beliefs and rituals ranging from primitive animism thought polytheism to lofty, abstract philosophical mininon.”²⁹

²⁷ Veda merupakan kitab suci Hindu yang tidak diketahui penciptanya. Veda boleh dijadikan empat kelompok di sebut ‘catur veda’ didasarkan kepada umur dan isinya disebut Rig Veda, Sama Veda, Yayur Veda dan Atharva Veda. Rig Veda berisi puji-pujian (Rig: memuji) kepada para dewa (Agni, Indra, Vishnu dan sebagainya). Ia berbentuk nyanyian yang terdiri dari 10 mandala (kitab) yang berisi 10552 Sukta yang dinyanyikan oleh pengikutnya didepan tuhan. Ia juga memuatkan tentang cara menguruskan orang mati, pembakaran mayat dan penguburannya. Yayur Veda pula dibaca oleh pendita ketika menyerahkan korban. Sama Veda pula merupakan nyanyian yang dilakukan ketika upacara sembahyang dan pembacaan doa. Manakala Artarva Veda merupakan kumpulan mantra yang terdiri daripada 5987 mantra. Ia berisi doa-doa untuk kehidupan harian bagi menolak bala. Penjelasan lanjut boleh dilihat melalui penulisan Prof. H. Hilman Hadikesuma S.H, *Antropologi Agama*, Bandung, Pt. Citra Bakti, 1992, hlm 151-157. Selain itu lihat Prof. Dr. Ahmad Shalaby, *Agama yang terbesar di India*, Penerbitan Pustaka Nasional, Singapore 1970, hlm 7.

²⁸ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), *Titas 2*, hlm. 106.

²⁹ Caudarola Carlo, (ed), *Religious And Societies Asia And The Middle East*, Berlin, Mount Publishers, 1982, hlm 35.

Mengikut N. M Idaikkadar, agama Hindu diberi nama berdasarkan nama Sungai Sindhu (Indus) sebagaimana sebutan orang Parsi. Orang Parsi yang datang ke India susah untuk melafaskan huruf ‘s’ untuk sebutan Sindhu. Oleh itu mereka menggelarkan sungai itu sebagai Hindu. Agama ini disebut ‘*sanata dharma*’ atau agama yang kekal atau juga disebut *Waidika Dharma* iaitu agama yang berdasarkan kitab-kitab suci Veda.³⁰



India mengalami perkembangan urbanisasi hingga abad ke-7 SM. Ia telah membawa kepada kewujudan *Janapada* atau *Tribal Kindom* dan salah satu antara 16 daripadanya dikenali sebagai kerajaan Magadha. Kerajaan ini akhirnya telah membawa kepada kemunculan Dinasti Maurya pada 32SM. Dinasti ini mencapai zaman gemilang termasuk Buddha yang menjadi anutan golongan pemerintah, termasuk penguasaan wilayah yang dilakukan oleh Chandragupta Maurya dan Asoka serta perkembangan agama Buddha ke luar rantau termasuk China dan Asia Tenggara.³¹

Semasa dibawah pemerintahan Asoka, ajaran Buddha telah berkembang dan mengalami zaman kegemilangannya. Agama Buddha muncul kerana tidak menerima kewibawaan Veda. Ia muncul pada akhir zaman Vedik di India.³²

³⁰ Prof. H. Hilman Hadikusuma. S.H, **Antropologi Agama**, Bandung, Pt. Citra Aditya Bakti, 1993, hlm 151.

³¹ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 2**, hlm 106-107.

³² R. Rajakrisnan & M. Rajenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 25.



Rajah 2.3: Carta Ajaran Buddha yang terkandung dalam Dhamma

Dalam melihat perkembangan agama Buddha, Bu-stan (1290-1360) dan Taranatha (1574-1608) telah membahagikannya kepada tiga zaman. Zaman pertama melihatkan perkembangan *Theravada* dan *Sarvastivada* (semua benda ialah benar). Ajaran ini memperlihatkan ajaran dharma kepada dunia. Zaman kedua memperlihatkan ajaran *Sunyata* yang diperkenalkan oleh Madhyamika dan

zaman terakhir melihatkan tentang *Vijnanavada* yang memberi pengajaran tentang kesedaran.³³

Namun sepanjang zaman 200 S.M. hingga 300 M telah menyaksikan kemerosotan empayar. Ia juga merupakan period yang tidak menentu kerana kelemahan Empayar Maurya hingga melahirkan keadaan ‘vakum’ di benua kecil India. Kesan kehadiran Alexander The Great (327SM) menyebabkan satu kelompok Indo-Greek yang dikenali sebagai *Bactria*, *Saythians* dan *Parthians*.³⁴ Pada tahun 300-600 M pula telah menyaksikan kemunculan zaman Gupta. Zaman ini dikenali sebagai *zaman keemasan* dalam kebudayaan Hindu.

Pada akhir zaman awal di India menyaksikan Zaman Chola (850-1200SM). Pemerintahan Chola telah memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Saivism dan Vainavisme yang merupakan pemulihagama Hindu. Ini kerana pada zaman ini banyak kuil-kuil dibina di tepi sungai Kaveri. Raja yang memerintah pada zaman ini diantaranya ialah Rajaraja, Rajendra I dan Kolutungga.³⁵

³³ Miercea Eliade, **The Encyclopedia of Religion**, Vol. 2 , hlm 335.

³⁴ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 2**, hlm. 108.

³⁵ R. Rajakrisnan & M. Rajenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 71-73.

Peradaban Pertengahan (1000-1756 M)

Zaman pertengahan bermula sekurang-kurangnya dalam abad ke-12, telah menyaksikan kebangkitan kerajaan-kerajaan Islam dan secara langsung telah membuka suasana baru dalam sistem pemerintahan dan kerajaan. Walau bagaimanapun pada dasarnya, amalan pemerintahan sebelum Islam masih turut digunakan malah wujud penggabungan antara elemen-elemen pentadbiran pemerintahan Islam dan tempatan. Dalam abad ke-12 dan 13 M penakluk-penakluk Turki telah memasuki bahagian Barat Laut India dan mengasaskan kerajaan Islam dan sehingga abad ke-14, pengaruh kerajaan Islam telah berkembang sehingga ke bahagian Selatan India. Period ini juga penting dalam melihat kemunculan kerajaan Islam.³⁶

Zaman pertengahan bermula apabila kedatangan Islam di India. Menurut sejarah dakwah yang lebih jelas di India bermula sejak zaman Khalifah Umar al-Khattab (634-644M). Kemudian ia diteruskan oleh Khalifah Othman bin Affan (644-655M).³⁷ Pengaruh Islam di India telah bermula apabila Muhammad Ibn Al-Qasim telah menyerang Sind³⁸ dan berjaya menawan dan menguasai pelabuhan Dabul. Pada masa yang sama penyebaran agama Islam di India dilakukan.

³⁶ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 2**, hlm 122-123.

³⁷ Abdullah Ishak, **Islam di India, Nusantara dan China**, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1992, hlm 3.

³⁸ Sind pada masa sekarang dikenali sebagai Karachi yang terletak di Pakistan Selatan, Lihat Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Perkembangan Islam di India**, Khazanah Banjariyah, Kedah, 1992, hlm. 26.

Wilayah Sind merupakan antara wilayah yang menjadi tapak kehadiran Islam yang paling awal. Usaha untuk menguasai Sind pada peringkat awal tidak diteruskan kerana terdapat maklumat yang menyatakan bahawa wilayah ini “*water is scarce, the fruits are poor; and the robbers are bold; if a new troop are sent, they will be slain, if many, they will starve.*³⁹

Muhammad bin Al-Qasim telah dihantar untuk menakluk Sind kerana Raja Dahir enggan membantu menangani masalah membebaskan wanita-wanita Islam yang dikirim oleh Raja Serandip atau Sri Langka kepada Al-Hajaj.⁴⁰ Pengaruh Islam di India bertambah kukuh semasa pemerintahan Kesultanan Delhi di India. Ini dapat dilihat semasa pemerintahan Sultan Mahmud Ghaznawi (998-1030M), Kerajaan Ghuri (1150-1206M), Dinasti Hamba (Mamluk), Dinasti Khalji (1290-1321M) dan Dinasti Tughluq (1321-1414M).⁴¹

Kerajaan Sabaktakin adalah kerajaan Islam yang pertama terbentuk di India. Kerajaan ini wujud antara 1004-1186M. Kerajaan ini dinamakan Sabaktakin sempena namanya kerana ia mencapai perkembangan yang pesat semasa pemerintahan beliau. Kerajaan ini mencapai zaman gemilangnya semasa di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Al-Ghaznawi. Beliau seorang pahlawan Islam yang memiliki teknik peperangan yang hebat terutama dalam memimpin

³⁹ V. D. Mahayan, **History of Medieval India**, S. Chand, New Delhi, 1999 (10th Edition), hlm. 16.

⁴⁰ Arshad Islam, **Islam in Sindh**, International Islamic Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 21. Ia mencatatkan bahawa lanun-lanun di perairan Sind bukan merampas wanita dan kanak-kanak yang diutus oleh Raja Sri Langka sebaliknya ia dihadiahkan kepada Hajaj oleh Raja Sri Langka yang baru memeluk Islam.

⁴¹ Ibid., hlm 4-40.

pasukan tentera.⁴² Ia di akui oleh ahli sejarah Eropah malah penulis Islam dan menyamakannya dengan Iskandar Makedonia. Selain itu beliau juga telah berjaya mengukuhkan pengaruh Islam dan mengekalkan kebudayaan tersebut di India. Ia masyhur sebagai pujangga, penyair dan pahlawan ‘pedang dan pena’ kerana menjadikan negerinya sebagai tempat berkumpul ahli-ahli ilmu, ulama-ulama, ahli fiqh dan bahasa. Antaranya ialah Abun Nasr Al-Farabi, Al-Firdausi, Badi’uz Zaman Al-Hamdany dan sebagainya.⁴³

Kerajaan Sabaktakin menguasai India selama hampir 2 abad. Namun kerajaan ini lemah selepas pentadbiran Sultan Mas’ud pada tahun 1040M. Selepas kematian Mas’ud, Kerajaan Sabktakin tidak lagi melahirkan golongan yang gagah perkasa melainkan raja-raja yang menerima warisan nenek moyang. Selain itu, pengaruh kerajaan Bani Saljuk⁴⁴ yang semakin berkembang di India dan mempengaruhi kerajaan India. Kejatuhan Lahore ke tangan bani Saljuk telah menyebabkan kerajaan ini runtuh.⁴⁵

Kerajaan Ghori berasal dari daerah Ghori iaitu satu kawasan antara Harat dan Halmat di Afghanistan. Penguasa Kerajaan Ghori yang pertama ialah Sultan Alauddin Husen telah berjaya menguasai Lahore. Semasa pemerintahan Muhammad Al-Ghori, beliau telah menjalankan penaklukan dan perluasan kawasan dan berjaya menguasai kota Delhi, Agra, Marat dan benteng Qanut.

⁴² Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm 32-35.

⁴³ Prof. Hamka, **Sejarah Umat Islam**, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, 1994, hlm 487-488.

⁴⁴ Bani Saljuk berasal dari India. Bani ini telah memeluk Islam. mereka telah berjaya menguasai Bani Buaihi dan dapat menakluki khalifat Bani Abbas di Baghdad. Ibid., hlm. 489.

⁴⁵ Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 37.

Semasa pemerintahan Quthbuddin Aibak, beliau telah meningkatkan pembangunan dan pemberian dalam negeri. Beliau juga telah membangunkan sebuah masjid yang dikenali sebagai ‘Qutwatul Islam’ yang lebih dikenali dengan nama Qutb Minar. Ia diikuti oleh pemerintah lain seperti Sultan Fairuz Shah dan Sultan Bayban. Kerajaan Ghori semakin merosot dan akhirnya jatuh dibawah kekuasaan Khilji pada tahun 1289 M.⁴⁶

Kerajaan Khilji bangkit pada tahun 1289 M selepas berjaya memaksa Kerajaan Ghori melepaskan seluruh wilayahnya. Raja Khilji yang terkenal ialah Sultan Alauddin Al-Khilji yang berjaya mengatasi serangan Mongol terhadap India dengan kekuatan 100,000 tentera untuk kali yang ketiganya yang berlaku pada tahun 1297 M. Beliau juga menjalankan penaklukan dengan menakluki Deccan pada tahun 1308 M. Deccan merupakan kerajaan yang belum pernah ditakluki oleh pemerintah Islam. Namun kerajaan ini jatuh dibawah tangan pegawainya sendiri iaitu Tuqluq Shah pada tahun 1321 M.⁴⁷

Perkembangan Islam di India telah diteruskan oleh Kerajaan Mughal. Empayar Mughal di India telah memerintah dari tahun 1526 hingga 1763M. Ia telah dimulakan oleh Zahiruddin Babur. Kemudian ia telah diteruskan oleh puteranya Humayun (1530-1539M) dan seterusnya dikukuhkan semasa pemerintahan Akbar (1556-1605M), Jehangir (1605-1627M) Shah Jehan (1627-

⁴⁶ Ibid., hlm. 38-41.

⁴⁷ Ibid., hlm 42-43.

1658M) dan Aurangzeb (1658-1707M).⁴⁸ Mereka inilah yang telah memperluaskan pengaruh Islam di seluruh India sepanjang zaman tersebut.

Zaman pemerintahan Mughal menyaksikan beberapa kejayaan penting. Antaranya dapat dilihat dari segi bahasa, muzik, seni bina, ekonomi, politik dan sebagainya. Contohnya dapat dilihat semasa zaman pemerintahan Akbar dimana bahasa Urdu yang telah digunakan bagi menggantikan bahasa Hindi. Akbar telah menggalakkan penterjemahan karya-karya dalam bahasa Persia iaitu bahasa kerajaan Mughal pada masa itu. Ia bertujuan untuk menggalakkan persefahaman budaya hingga masyarakat Islam dan Hindu mula menulis dan menterjemah *Atharva Veda* dan *Ramayana* ke dalam bahasa Urdu.⁴⁹

Selain itu semasa pemerintahan Akbar, pembinaan kota Agra telah dijalankan pada tahun 1566M. Kota ini merupakan tiruan dari kuil-kuil Hindu Jaina. Pembinaan beliau yang paling masyhur ialah pembinaan istana di Fatehpur Sikri. *Diwan-i-Am* dalam istana ini iaitu pejabat Akbar direkabentuk mengikut tradisi Hindu. Pintu gerbang Buland Darwaza pula dikatakan mempunyai ketinggian 40.8 meter, 39.6 meter lebar dan 26.8 meter dalam.⁵⁰

⁴⁸ Prof. Dr. Hamka, **Sejarah Umat Islam**, hlm. 487.

⁴⁹ Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm 70.

⁵⁰ Ibid., hlm 132.

Peradaban Moden

Peradaban moden⁵¹ memperlihatkan sebagai satuperiod pembaratan. Ia bukan sahaja membabitkan Peradaban India malah berlaku secara global. Oleh yang demikian, dalam perkembangan peradaban, period ini menyaksikan kebangkitan Eropah. Kedatangan kuasa-kuasa Eropah yang bermula dengan Portugis pada tahun 1498 telah membuka ruang kepada India. Peradaban yang wujud sejak ribuan tahun telah berhadapan dengan satu lagi peradaban yang sangat pesat berkembang. Kejayaan kuasa Barat menguasai kawasan-kawasan di India ini secara langsung membawa pengaruh peradaban Barat yang akhirnya menguasai pemikiran, nilai hidup, ekonomi, politik dan sosial masyarakat India. Ini jelas apabila bahasa Inggeris menjadi bahasa penting menggantikan bahasa Urdu yang sebelum ini telah menjadi bahasa pengantar pada masa itu.

Zaman moden bermula apabila pengaruh agama Islam di India mulai menurun selepas kemangkatan Sultan Muhammad Syah pada tahun 1717. Ini kerana kerajaan Hindu yang bangun melepaskan diri daripada kongkongan kerajaan Mughal. Ia juga disebabkan oleh kedatangan kuasa Barat di India dengan kedatangan kuasa Portugis ke atas Goa (1510), kuasa Belanda (1602) dan diikuti oleh Perancis pada tahun 1664. Era baru menyaksikan kedatangan British pada tahun 1612 dan penaklukan kawasan-kawasan di India yang bermula sejak tahun 1750. Pemerintahan British telah membahagikan India kepada tiga presidensi

⁵¹ Dalam memperlihatkan peradaban India, terdapat sekurang-kurangnya 3 periodisasi yang menjadi latar kajian. Zaman moden menjadi salah satu period tersebut dimana ia memperlihatkan pembaratan Barat. Lihat Azhar Hj. Md Arus, (et.al), *Titas 2*, hlm. 114. Selain itu lihat buku R. Rajakrisnan & M. Rajenthaler, *Pengantar Tamadun India* dan G. Sivapalan, , M. Rajenthaler & R. Rajakrishnan, "Tamadun India" dlm *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*.

iaitu Bengal (timur), Bombay (barat) dan Madras (selatan) untuk memudahkan pentadbiran.⁵²

Kedatangan Kompeni Inggeris telah memberi kesan kepada kerajaan Islam pada tahun 1760-an. Atas kepintaran mereka untuk menguasai India, mereka telah menjadikan perbezaan agama Islam dan Hindu sebagai senjata melemahkan kerajaan India pada masa itu. Pertengahan kurun ke-19 juga memperlihatkan kebangkitan kesedaran kebangsaan di kalangan orang India. Pertubuhan-pertubuhan untuk memulihkan agama Hindu seperti Arya Samaj dan Ramakrisnan Mission, peranan Brahmo Samaj, Prarthana Samaj dan lain-lain pertubuhan membangkitkan kesedaran sosial tentang beberapa amalan dalam masyarakat.⁵³ Ia membawa kepada pergerakan nasionalis yang dimulakan pada tahun 1866 oleh Dadabahi Naoraji yang menujuhkan East Indian Association di London yang akhirnya membentuk Parti Indian National Congress (INC). Selain itu terdapat Liga Muslim 1906 yang mewakili orang muslim di India dan beberapa gerakan reformis lain.⁵⁴

Zaman moden juga menyaksikan gerakan kemerdekaan dan zaman selepas pasca kemerdekaan. Ia melihat keadaan masyarakat India selepas zaman penjajahan yang memperlihatkan keadaan India kontemporari pada masa kini.

⁵² G. Sivapalan, M. Rajenthaler & R. Rajakrisnan, “tamadun India” dlm, **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 251.

⁵³ R. Rajakrisnan & M. Rajenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 144-153.

⁵⁴ G. Sivapalan, M. Rajenthaler & R. Rajakrisnan, “tamadun India” dlm **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 252.

Pertapakan Islam di India.

Agama Islam yang bermula di Tanah Arab telah mengalami satu perkembangan pesat. Rantau Asia Selatan merupakan salah satu wilayah yang menerima pengaruh tersebut. Perdagangan dilihat menjadi medium yang penting kepada penyebaran Islam. Yaman yang terletak di penghujung laut Arab telah berperanan dalam aktiviti perdagangan dengan India. Ia dilakukan melalui dua cara iaitu jalan laut dan jalan darat.⁵⁵ Ini telah membawa kepada pembentukan penempatan di Basra, Syria dan sebagainya. Pedagang Arab menjadi orang tengah dalam pemasaran barang dari India dan Timur Jauh ke Eropah.⁵⁶

Proses Islamisasi di India tidak dapat dipastikan sepenuhnya. Menurut sejarah, dakwah yang lebih jelas di India bermula sejak zaman Khalifah Umar al-Khattab (634-644 M). Kemudiannya ia diteruskan oleh Khalifah Othman bin Affan (644-655 M).⁵⁷ Pada tahun 87 H/706 M Khalifah al-Walid mengirim pasukan perang seramai 60,000 orang tentera di wilayah Sind di bawah pimpinan Muhammad bin Qasim Ast-Staqi dan berjaya menawan Kerajaan Dahar yang berpusat di kota Dibul dan kota-kota lain seperti Sawandar, Rurr dan Multan sehingga ke seluruh wilayah Sind.⁵⁸

Pada zaman awal, wilayah Sind dan Gujerat merupakan pusat persinggahan pedagang-pedagang Arab. Ini kerana Sind bukan sahaja menjadi

⁵⁵ Lihat K. A. Nizami, "Early Arab Contact with South Asia", dlm. **The Journal of Imperial and Commonwealth History**, Vol. XXII, No. 2, May 1994.

⁵⁶ Abdullah Ishak, **Islam di India, Nusantara dan China**, hlm 2.

⁵⁷ Ibid., hlm 3.

⁵⁸ Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India** hlm 27-28.

pusat perdagangan maritime malah menjadi kawasan perdagangan daratan (overland trade).⁵⁹ Menurut al-Mas'udi, seorang pelayar dan pengembara Islam, terdapat sekurang-kurangnya 10,000 orang Arab dan keturunannya telah menetap di Cemoor dan Khambayat yang merupakan pelabuhan penting di Gujerat.⁶⁰ Selain itu, wilayah Sind merupakan wilayah yang menjadi tapak kehadiran Islam. Ia bermula apabila satu delegasi tentera telah dihantar ke Sind pada zaman pemerintahan Umayyah, al-Walid ibn al-Malik, atas cadangan al-Hajaj b. Yusuf Ass-Saqafi.⁶¹ Ia berpunca daripada keengganan Raja Dahir membantu al-Hajaj melepaskan tahanan wanita dan kanak-kanak yang telah ditahan oleh lanun di mana tawanan tersebut merupakan janda-janda dan anak-anak pedagang Islam yang meninggal dunia di Sri Lanka.⁶²

Pada peringkat awal ekspidisi ini diketuai oleh Ubaid Allah dan Budail ke Debal tetapi mengalami kekalahan dan Budail terkorban dalam ekspidisi ini. Lalu Hajaj telah menghantar Muhammad bin Al-Qasim yang berusia 17 tahun dengan tenteranya seramai 60,000 ke Sind untuk mengalahkan Raja Dahir. Beliau menggunakan jalan darat merentasi Shiraz (Iran) dan memasuki Makran di wilayah Sind pada 17 November 711M.⁶³ Beliau juga mendapat sokongan daripada Khuraym bin Amr' dan Ibn Muqhairah yang memimpin pasukan tentera laut yang bukan hanya mengangkut tentera tambahan dan makanan malah

⁵⁹ Arshad Islam, **Islam in Sindh**, hlm 21.

⁶⁰ Patricia Risso, **Merchant & Faith, Muslim Commerce an Culture in the India Ocean**, Westview, Boulder, 1995 hlm. 14.

⁶¹ A. Sayed Sulaiman Nadri, **Pelayaran Bangsa Arab** (ter. Mazlan Muslim), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 43.

⁶² Hajaj al-Yusuf merupakan gabenor wilayah timur dan menguasai kawasan Iraq, Turkestan dan Sind. Lihat A. Sayed Sulaiman Nadri, **Pelayaran Bangsa Arab**, hlm 30.

⁶³ Arshad Islam, **Islam in Sindh**, hlm. 22.

mengangkut senjata ke Sind.⁶⁴ Pertempuran yang berlaku pada tahun 712 di Ahmadabad telah mengalami kemenangan dengan kematian Raja Dahir. Langkah ini dilihat sebagai asas perkembangan Islam di Sind.

Selepas kemenangan tersebut, Muhammad al-Qasim telah kembali semula ke Damsyik dan diambil alih oleh Yazid ibn Abi Kabsyah dan akhirnya Habib ibn. Muhallab. Penaklukan ini menjadi asas perkembangan Islam di India. Ia juga menonjolkan kebaikan Islam apabila mereka yang kalah diberikan kembali kedudukan mereka seperti sebelumnya. Mereka juga tidak dipaksa untuk memeluk Islam. Pertapakan Islam di Sind juga telah membuka jalan kepada kehadiran orang-orang Islam di India. Mereka terdiri daripada golongan peniaga, pemodal, pedagang, ulama dan sebagainya.

Kedatangan Islam di Malabar juga memperlihatkan interaksi antara golongan pedagang dan ulama yang datang bersama-sama menjalankan aktiviti perdagangan dengan masyarakat tempatan. Interaksi yang berlaku antara golongan ini dengan masyarakat tempatan di Malabar telah melahirkan satu masyarakat yang lebih dikenali sebagai *Maplah* atau *Mapillar*.⁶⁵ Masyarakat ini juga dikenali sebagai nawayat.⁶⁶

⁶⁴ Prof. Dr. Hamka, **Sejarah Umat Islam**, hlm 484.

⁶⁵ Roland E. Millar, **Mapillar Muslim in Kerala**, Orient Longman, Bombay, 1976, hlm 30-35.

⁶⁶ K. A. Nizami, "Early Arab Contact with South Asia" dalam **The Journal of Imperial and Commonwealth History**, hlm 58.

R. E. Miller ada menyebut tentang kepentingan Malabar sebagai pusat perdagangan Islam iaitu;

*'It was natural for the Arabs to make Kerala Coast their first and chief port of call, but it was also the sources of pepper, the black gold, as well as of other valuable product. The local Hindus warmly accepted the Arabs as they accepted the merchants and sailors of the nationalities, and the Arabs in turn reciprocated by a non-aggressive policy. Thus there were Arabs sailor back and forth between Arabia and Kerala at the time of the Prophet.'*⁶⁷

Ini jelas menyatakan bahawa masyarakat Islam yang menetap di Malabar merupakan mereka yang berasal dari Arab yang menetap di Malabar. Ini jelas dengan penemuan batu nesan *Pantayalini-Kollam* yang tercatat pada tahun 782M.

Peristiwa perkembangan Islam di Malabar juga boleh dilihat dengan pengislaman Cheraman Perumal yang memerintah Kodungalur. Walaupun sesetengah pihak menganggapnya sebagai lagenda tetapi ia telah menjadi satu peristiwa penting yang membawa kepada perkembangan Islam di Malabar. Lagenda tersebut berkisar tentang Cheraman yang bermimpi melihat bulan terbelah dua. Semasa cuba mentafsir mimpiya beliau bertemu dengan rombongan Arab yang dalam perjalanan ke Sri Lanka yang mentafsir mimpiya dan akhirnya beliau memeluk Islam.⁶⁸ Beliau telah berpesan supaya mubaligh Islam menyebarkan Islam ke seluruh Malabar sebelum meninggal.

⁶⁷ Roland E. Millar, **Mapillar Muslim in Kerala**, hlm. 41.

⁶⁸ Andrew D.W Forbes, "Southern Arabia and the Islamic of the Central Indian Ocean Archipelagoes." dlm **Arcipel** 21, 1981, hlm. 68.

Bengal menerima kedatangan Islam lebih lewat berbanding dengan wilayah Sind atau Malabar. Menurut Al-Masudi, masyarakat Islam telah bertapak di Bengal pada abad ke-10. Ini kerana Bengal merupakan salah satu pusat perdagangan yang penting di Timur India.⁶⁹ Kerajaan Chandras yang terletak di bahagian selatan Bengal telah wujud di situ sejak abad ke-9 dan 11 lagi.

Perkembangan Islam di India secara umumnya berasal dari kehadiran pedagang Arab dan Islam ke India. Kehadiran Islam di India pada peringkat awal hanya melibatkan wilayah tertentu yang dianuti oleh penduduk yang beragama Hindu, Jaina dan Buddha.

Pencapaian-pencapaian Peradaban Islam

Sememangnya perkembangan kerajaan Islam di India telah melahirkan satu peradaban Islam yang baru di India. Peradaban ini muncul hasil daripada interaksi yang berlaku antara peradaban Islam dengan peradaban India itu sendiri. Pencapaian-pencapaian inilah yang melahirkan satu bentuk peradaban yang agung di India sehinggalah kedatangan British. Pencapaian ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian yang jelas.

Interaksi antara masyarakat Muslim dan Hindu di India telah memberi kesan kepada peradaban India. Ini jelas dari segi bahasa campuran yang muncul hasil gabungan pentadbiran Muslim dan Hindu. Bahasa Urdu yang menggunakan

⁶⁹ Richard M. Eaton, **The Rise of Islam and Bengal Frontier 1204-1760**, University of California Press, Berkeley, 1996, hlm 11.

nahu Prakrit dengan perbendaharaan kata Parsi, Arab dan Turki ditulis dengan skrip arab tetapi diubahsuai untuk mewakili bunyi bukan Arab. Urdu di kawasan lain disebut Urdu Dekani dan Urdu Loknawi tetapi yang menjadi dominon ialah Urdu kerajaan Mughal. Akhirnya ia menggantikan bahasa Hindi. Bahasa ucapan disebut Hindustani.⁷⁰

Pada zaman pemerintahan Islam telah diwujudkan sukanan pelajaran yang sama bagi sekolah sekular. Sukanan pelajaran am mengandungi kesusasteraan Persia, etika, matematik, pertanian, geometri, astrologi, ekonomi, senipolitik, perubatan, logik, fizik, sejarah dan kerja pejabat. Ia bertujuan untuk menggalakkan persefahaman budaya hingga masyarakat Islam dan Hindu mula menulis dan menterjemah Atharva Veda dan Ramayana ke dalam bahasa Parsi. Contohnya Abdul Qadir Badaoni bekerjasama dengan pundit Hindu menterjemah kitab *Atharva Veda* dan *Ramayana* dalam bahasa Parsi. Penyair Faizi menterjemah *Lilavati*, karya klasik matematik dalam bahasa Persia.⁷¹

Usaha ini memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk memahami bidang-bidang ilmu pengetahuan Islam dan pada masa yang sama orang-orang Islam memahami aspek-aspek keagamaan, budaya, pemikiran dan ilmu pengetahuan dalam agama Hindu. Ini menimbulkan keharmonian antara orang Muslim dengan orang Hindu serta pengikut ajaran lain.⁷²

⁷⁰ R. Rajakrisnan & M. Rajenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 127.

⁷¹ G. Sivapalan, (et.al), **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 296-297.

⁷² Azhar Hj. Md Arus, **Titas 1**, hlm 57.

Interaksi antara agama-agama Hindu dan Islam ini telah membawa kepada perkembangan kesusasteraan. Pada zaman Kesultanan Delhi hasil tulisan India terutamanya berkaitan dengan agama Hindu diterjemah dalam bahasa Parsi. Tokoh yang terlibat dalam usaha ini ialah Zain-ul-'Abidin dari Kashmir dan Husain Shah dari Bengal. Terdapat juga penulis-penulis Islam yang menulis tentang kehidupan dan tradisi agama Hindu Contohnya Malik Muhammad Jayesi. Ada juga penulis yang beragama Hindu menyumbang kepada penulisan mengenai Islam, contohnya Rai Bhana Mal.⁷³

Seni bina juga mengalami perubahan hasil daripada interaksi antara agama itu sendiri. Ini dapat dilihat dari hasil gabungan seni bina Hindu dan Islam. Shah Jehan telah membina sebuah Jami Masjid dekat dengan kubu Delhi (1644-58). Kubah bangunan ini jelas menampakkan pengaruh Parsi tetapi pavillionnya jelas menunjukkan gaya seni bina India. Penggunaan mortar dan konkrit juga merupakan hasil daripada pengaruh Islam. Sebuah masjid yang terkenal iaitu Quwwal-ul Islam telah dibina semasa zaman pemerintahan Qutbuddin. Masjid menampakkan ciri-ciri seni bina India dan Islam. Qutb-Minar sendiri menampakkan ciri-ciri seni bina Islam yang indah.⁷⁴

Seni bina mencapai zaman kemuncak pada zaman Shah Jehan. Pembinaan dasar menampakkan sepenuhnya ciri-ciri Islam tetapi kerja-kerja pengindahan sesuatu bangunan melihatkan ciri-ciri Hindu. Ia merupakan hasil seni bina

⁷³ Ibid., hlm 56-57.

⁷⁴ Azhar Hj. Md Arus, **Titas 1**, hlm 57

teragung sehingga menjadi salah satu benda ajaib di dunia. Ini jelas digambarkan oleh bangunan tinggalan zaman Babur dan Humayun.⁷⁵ Di samping itu, bangunan-bangunan lain yang dibina semasa zaman Shah Jahan, contohnya Masjid Mutiara di Agra, istana dan taman-taman di Lahore, kota, istana dan masjid di Kabul dan beberapa bangunan lain yang mencerminkan campuran seni bina Islam dan Parsi.⁷⁶

Pada zaman Gupta seni bina dan seni ukir mencapai kegemilangan semasa pengaruh agama Buddha berkembang. Di India utara, stupa Sanchi imej Buddha dan Bodhisattava adalah lambang kemegahan seni bina India. Ukiran Gua Ajanta dan Ellora serta duit syilling India zaman Gupta membuktikan seni bina dan seni ukir India yang tinggi serta kompleks yang mengagumkan.⁷⁷

Dari sini jelas menunjukkan bahawa seni bina di India telah mencapai tahap yang tinggi dengan gabungan antara seni bina Hindu dan Islam. Ini telah menjadi contoh kepada interaksi antara dua agama ini. Selain itu, interaksi antara agama Hindu dan Buddha yang menjadi lambang pemikiran seni ukir India.

Pengetahuan mengenai ilmu fizik dan kimia orang India adalah berkaitan dengan agama. Konsep jirim muncul berdasarkan intuisi dan logik, dan bukannya eksperimen. Dipercayai bahawa alam semesta terdiri daripada gabungan lima

⁷⁵ G. Sivapalan, , M. Rajenthaler & R. Rajakrishnan, “Tamadun India” dalam **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 131-132.

⁷⁶ Azhar Hj. Md Arus, **Titas 1**, hlm 57

⁷⁷ Ibid., hlm 277.

elemen iaitu tanah, angin, api, air dan angkasa. Pengikut Buddha menolak angkasa. Hampir semua aliran agama di India percaya bahawa unsur alam kecuali angkasa bercirikan atom. Ilmu atom di India adalah tulen dan berdikari dengan sumbangan pakar atom seperti Pakudha Katyayana yang sezaman dengan Buddha.⁷⁸

Menurut Jaina, corak percantuman atom yang berbeza menghasilkan elemen-elemen dengan pelbagai sifat. Orang Buddha melihat atom sebagai “occupying minutes space in the minutes time”. Orang India percaya bahawa elemen tanah dan air adalah jenis jatuh, api jenis naik, padu (solid) dan bendalir jenis mengembang panas. Tetapi usaha sebenar dan saintifik tidak dilakukan dalam bidang ini.⁷⁹

Selain itu dalam bidang muzik jelas dilihat dengan wujudnya alat muzik sitar yang merupakan gabungan vinai India Selatan dan Tanbura Persia. Dalam bidang tarian kathak terdapat pakaian Persia dengan tema Hindu digunakan. Dari sini jelas bahawa kedatangan Islam ke India menyebabkan kemunculan budaya unik yang mengintegrasikan unsur-unsur Islam dalam unsur-unsur Hindu.⁸⁰

Secara kesimpulannya dapat dilihat bahawa peradaban India boleh dibahagikan kepada tiga zaman penting iaitu Zaman Awal, Zaman Pertengahan dan zaman Moden. Ketiga-tiga zaman ini memperlihatkan pengaruh agama yang

⁷⁸ Ibid., hlm 280.

⁷⁹ Ibid., hlm 280.

⁸⁰ Ibid., hlm 254.

mewarnai zaman tersebut. Selain itu, bab ini mengulas proses kedatangan Islam ke India. Kedatangan Islam boleh dilihat secara perdagangan, peperangan dan perpindahan. Pertapakan Islam di India ini akhirnya telah berkembang ke seluruh India dan menjadikan Islam salah satu agama terpenting di India. Selain itu, berlaku pencapaian-pencapaian yang penting dalam peradaban India kesan daripada perkembangan Islam di India.